

TVUiTM amal konsep mendidik, berhibur

B4 25/11/06

Program TV mampu penuhi pelbagai selera penuntut IPT

Oleh Khairina Yasin

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) yakin enam rancangan yang disediakan melalui saluran perkhidmatan televisyen-nya, TVUiTM memenuhi selera penonton melalui konsep 'edutainment' yang menyalurkan kandungan bercorak pendidikan yang menghiburkan.

Penolong Naib Canselor, Unit Perhubungan Awan dan Komunikasi Korporat, Prof Madya Dr Azizul Halim Yahya, berkata setiap rancangan menampilkan konsep yang berlainan dan dilihat mampu memenuhi kehendak penonton sasaran yang terdiri daripada kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Katanya, rancangan terbabit ialah First Step, U-Alert, Icon Channel, Wide Channel, Three 60o dan Wave Channel yang dibangunkan dengan kerjasama Institut Perkembangan Pendidikan (InED), UiTM.

"Rancangan First Step memaparkan hasil kerja atau projek penyiaran

pelajar UiTM merangkumi drama pendek, dokumentari dan majalah.

"Konsep berita pula diketengahkan melalui U-Alert yang menghadirkan liputan program yang dijalankan kampus induk UiTM Shah Alam dan 14 kampus cawangan lain," katanya kepada *Berita Harian*.

Azizul berkata, penonton TVUiTM juga berpeluang mengetahui latar belakang berkaitan UiTM melalui video korporat Icon Channel yang memaparkan maklumat korporat, kampus cawangan dan fakulti yang ada di universiti berkenaan.

Katanya, rancangan Three 60o pula lebih berbentuk dokumentari berkenaan pengetahuan dan pembelajaran yang bersesuaian dengan sukatan mata pelajaran atau program pengajian UiTM.

"Pendedahan berkaitan isu semasa pula diketengahkan Wide Channel, manakala program hiburan merangkumi persembahan teater, koir dan tarian yang dipentaskan pelajar dipaparkan melalui Wave

Channel," katanya.

Sambil menjelaskan UiTM sebagai IPT awam pertama yang memiliki saluran televisyen sendiri, beliau berkata, kerjasama dengan InED

“Kemudahan itu turut membolehkan komunikasi dua hala diwujudkan antara pensyarah dan pelajar”

Dr Azizul Halim Yahya
Penolong Naib Canselor, Unit Perhubungan
Awan dan Komunikasi Korporat UiTM

membolehkan pelajar e-Pendidikan Jarak Jauh (E-PJJ) mendapat akses bagi mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran secara on-line.

Malah, katanya, kemudahan itu turut membolehkan komunikasi dua hala diwujudkan antara pensyarah dan pelajar selain mengurangkan pengambilan pensyarah dan tutor, kerana skop pembelajaran elektronik sudah disediakan.

"Pendaftaran menggunakan saluran itu bagi pelajar e-PJJ ialah RM96 dan yuran langganannya RM30 sebulan atau RM120 bagi setiap semester.

"Fasa pertama UiTMTV yang bermula awal tahun ini hanya meliputi kawasan Lembah Klang dan tertumpu pada pelajar e-PJJ sebelum ia diperluaskan ke seluruh negara, pada masa depan," katanya.

Azizul berkata, TVUiTM adalah antara 18 saluran televisyen interaktif yang ditawarkan Fine TV, stesen televisyen interaktif atas permintaan yang menggunakan konsep bayar untuk ditonton.